

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD  
[ KANGAR]**

**TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [ KANGAR ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada satu Rang Undang-Undang untuk menghadkan tempoh jawatan Perdana Menteri kepada dua penggal akan dibentang di Parlimen.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan komited dalam melaksanakan Transformasi Parlimen dan Pentadbiran Kerajaan untuk mengembalikan kestabilan politik demi menangani wabak COVID-19 dan memulihkan ekonomi negara. Transformasi kerajaan ini menunjukkan keikhlasan dan kejujuran Kerajaan dengan memuktubkan nilai-nilai murni dan muafakat merentasi pelbagai latar agama, kaum, dan budaya dalam konteks Keluarga Malaysia.

Antara kandungan di dalam Memorandum Persefahaman Transformasi dan Kestabilan Politik termasuklah cadangan bagi untuk menghadkan tempoh jawatan Perdana Menteri kepada 10 tahun sahaja. Memandangkan ia merupakan satu pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan, adalah penting satu kajian yang teliti dan menyeluruh perlu dilaksanakan terlebih dahulu sebelum Kerajaan membentangkan cadangan pindaan tersebut di Parlimen.

Kerajaan memberi jaminan bahawa semua yang termaktub di dalam MoU tersebut akan dilaksanakan dan diambil tindakan segera oleh pihak Kerajaan.

Sekian, terima kasih.